**MODUL PINTAS SPM 2022**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**PENDIDIKAN ISLAM** **1223/1**

**KERTAS 1**

**2 ½ Jam** **Dua Jam Tiga Puluh**
**Minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*

Powered by CamScanner

*Jawab semua soalan*

1 (a) Firman Allah SWT:

> قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ
> ﴿١٣٧﴾ هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ
> ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
>
> (Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menjelaskan tentang konsep sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** konsep sunnatullah berserta contoh. [4 *markah*]

(iii) Kaum Thamud dan Luth antara kaum yang Allah SWT binasakan suatu ketika dahulu. Jelaskan **dua** sebab Allah SWT binasakan kaum tersebut. [2 *markah*]

(iv) Terangkan pengajaran daripada ayat di atas. [2 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ،
> يَومَ لا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الإِمَامُ العَادِلُ، وشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، ورَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي المَسَاجِدِ،
> ورَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيهِ وتَفَرَّقَا عَلَيهِ، ورَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وجَمَالٍ، فَقَالَ:
> إِنِّي أَخَافُ اللهَ، ورَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ
> خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.
>
> (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada seseorang yang menyembunyikan sedekahnya. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan menyembunyikan sedekah. [2 *markah*]

Powered by CamScanner

(iii)

| |
|---|
| Kebelakangan ini ramai penyumbang yang berkongsi di media sosial berkaitan sumbangan yang diberikan sehingga ada yang bergambar bersama para penerima. |

Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pandangan anda tentang situasi tersebut. [4 *markah*]

(c) Terangkan mana-mana **satu** hukum tajwid berkaitan hukum bacaan Mad Silah. [2 *markah*]

2 (a) (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT as-Syahid. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman Allah SWT bersifat as-Syahid. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah beriman dengan nama Allah SWT as-Syahid. [4 *markah*]

(b) (i) Apakah maksud iman terbatal melalui perbuatan? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu. [2 *markah*]

| |
|---|
| وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣ |
| Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa beliau memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah SWT (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."* |

Berdasarkan petikan ayat al-Quran di atas, kemukakan hujah anda mengapakah perbuatan tersebut merupakan kezaliman yang besar kepada individu yang terlibat? [4 *markah*]

3 (a) (i) Senaraikan **dua** perkara wajib haji selain daripada berniat ihram di miqat. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** jenis miqat. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** larangan bagi wanita dalam ihram. [2 *markah*]

(iv) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut:

(i) Muhammad berada di Muzdalifah pada pukul 3.00 pagi 10 Zulhijah.

(ii) Mariam menunaikan ibadat melontar di Jamratul Kubra bermula tengah malam 14 Zulhijjah. [4 *markah*]

Powered by CamScanner

(b) (i) Apakah maksud ijab dan qabul dalam rukun perkahwinan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** syarat lafaz akad nikah. [4 *markah*]

| |
|---|
| Penganjuran kursus perkahwinan oleh pihak jabatan agama Islam untuk pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga adalah berpandukan silibus dan modul yang telah ditetapkan. |

(iii) Huraikan pendapat anda terhadap penganjuran kursus tersebut. [4 *markah*]

4 (a) (i) Nyatakan **dua** pemerintah yang terkenal Kerajaan Uthmaniah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah dari aspek sosial. [4 *markah*]

| |
|---|
| Kerajaan Uthmaniah merupakan sebuah kerajaan Islam yang telah berjaya menyatukan umat Islam di peringkat global. |

(iii) Huraikan langkah yang perlu diambil oleh pemimpin pada hari ini untuk mencapai kejayaan tersebut. [4 *markah*]

(b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam as-Syafie. [3 *markah*]

(ii) Senaraikan **tiga** sumbangan beliau dalam sejarah Islam. [3 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada kesungguhan Imam as-Syafie dalam menuntut ilmu. [4 *markah*]

5 (a) (i) Jelaskan **dua** adab terhadap orang sakit dari aspek fizikal. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [4 *markah*]



(iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku, sekiranya situasi di atas diabaikan [4 *markah*]

Powered by CamScanner

(b) (i) Nyatakan maksud kecemerlangan dalam prinsip wasatiyyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri untuk menjadi umat yang cemerlang di dunia dan akhirat. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** cara mengamalkan prinsip wasatiyyah dalam kehidupan sebagai seorang murid. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah dalam kehidupan. [4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Powered by CamScanner